

LAWATAN PERDANA MENTERI MALAYSIA YAB DATO' SRI MOHD NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK KE KAMPUS UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG, PEKAN

12 Mac 2011 (Sabtu) | 11:00 PAGI



Universiti Malaysia Pahang, Kuala Pahang, Pekan

UMP 2007



UMP KINI



Pada 24 Februari 1998, Menteri Pendidikan ketika itu iaitu YB Dato' Sri Mohd. Najib Tun Abdul Razak telah bersetuju dengan cadangan penubuhan sebuah universiti penuh di Pahang. Dengan persetujuan tersebut Kolej Universiti Kejuruteraan & Teknologi Malaysia (KUKTEM) telah ditubuhkan pada 16 Februari 2002. Manakala pada 1 Februari 2007 telah menyaksikan KUKTEM ditukar nama kepada Universiti Malaysia Pahang (UMP). Tujuan utama penubuhannya ialah untuk menambah bilangan tempat pengajian di Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) dalam bidang Sains, Kejuruteraan dan Teknologi dengan empat bidang tumpuan iaitu Kejuruteraan Kimia, Bioteknologi Industri, Kejuruteraan Automotif dan Kejuruteraan Pembuatan.

Kampus tetap Universiti Malaysia Pahang (UMP) kini telah mula beroperasi di Kuala Pahang, Pekan dengan berpindahnya seramai 2,480 pelajar dan 263 staf dari UMP kampus Gambang mulai 27 Julai 2009. Pembangunan dan pembinaan peringkat Fasa 1A terdiri daripada Fakulti Kejuruteraan Mekanikal (FKM) dan Fakulti Kejuruteraan Elektrik & Elektronik (FKEE) ini dilengkapi pejabat pentadbiran, makmal, pusat pengajaran dan pembelajaran ini telah siap sepenuhnya. Kampus seluas 642 ekar ini boleh menampung sehingga 10,000 orang pelajar dan 2,000 orang staf.

Pada hari ini juga, dapat disaksikan bangunan asrama bagi menempatkan seramai 648 pelajar dengan kemudahan sebanyak 326 bilik telah siap sepenuhnya dan diduduki pelajar FKM dan FKEE bermula pada Julai 2010 yang lalu. Bangunan empat tingkat yang mempunyai tiga blok asrama iaitu dua blok siswa dan sebuah blok siswa ini dilengkapi kemudahan surau, rumah felo dan pejabat pengurusan asrama.

Pembangunan UMP Pekan

Fasa 1B masih dalam peringkat pembangunan bagi menyiapkan bangunan Fakulti Kejuruteraan Pembuatan, Perpustakan dan Kolej Kediaman Pelajar (KKP) bagi menampung 1,400 pelajar yang dijangka siap pada tahun hadapan. KKP ini dijangka turut dilengkapi kemudahan sokongan seperti pengurusan asrama, kafeteria, enam buah rumah felo dan pusat pelajar. Di bangunan pusat pelajar turut dilengkapi dengan sebuah amphitheatre dengan dataran terbuka yang mampu menempatkan seramai 2,000 orang. Bangunan perpustakaan empat tingkat pula akan dilengkapi dengan bahagian pentadbiran, auditorium, bilik seminar dan ruang bacaan yang boleh menampung 600,000 buah buku serta seramai 3,200 pelajar dalam satu-satu masa.



Kemudahan Prasarana UMP Pekan

- Pembinaan gelanggang permainan merangkumi sepak takraw, bola jaring, bola tampar, futsal dan bola baling sedang dalam proses pembinaan dan dijangka akan siap sepenuhnya pada tahun ini.
- Perancangan juga dibuat bagi menyediakan jogging & cycle track serta kemudahan sukan air di sekeliling tasik utama sekitar kampus.
- Projek Pembinaan Kompleks Sukan sedang dipohon untuk dilaksanakan dalam bajet RMK10 dan pihak UMP merancang beberapa kemudahan sukan supaya iaanya boleh digunakan bagi pelajar.
- Bagi mewujudkan pembangunan sosial ekonomi masyarakat sekitar, UMP telah membangunkan Bazar Muhibah di Bandar Pekan yang merupakan asrama pelajar luar UMP mampu menempatkan 200 orang pelajar yang secara tidak langsung akan membangunkan ekonomi peniaga setempat dan sekitar.
- UMP juga telah membangunkan Tadika UMP Pekan yang boleh digunakan secara bersama oleh masyarakat sekitar kampus.

Dengan adanya dua kampus, di Pekan dan Gambang ini, UMP dapat mempertingkatkan bilangan pelajar bidang sains dan teknologi bagi mencorakkan hala tuju pembangunan negara di masa akan datang.



UMP Park jalin kerjasama dengan Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang (PKNP)



UMP Park merupakan projek bersama Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang (PKNP). Projek perumahan ini terletak di lokasi berhampiran UMP Pekan (Peramu Batu 4). UMP membeli 30 unit rumah untuk penempatan staf. Projek dalam proses pembinaan dan dijangka siap pada awal tahun 2013. Menerusi projek ini secara tidak langsung membantu menyumbang pembangunan komuniti penduduk setempat dan jalinan hubungan dua hala dengan agensi di bawah kerajaan negeri.



UMP nikmat pembangunan dikongsi masyarakat Pekan

Dengan beroperasinya kampus UMP di Pekan, nikmat pembangunan sudah pastinya dapat dirasai masyarakat terutamanya sekitar Kampung Serandu, kampung Tanjung Selangor, Kampung Kuala Pahang, Kampung Marhum dan Kampung Bentan.

UMP sebagai Institusi Pengajian Tinggi Awam dan sebuah Badan Berkanun Persekutuan, turut mendukung gagasan 1Malaysia: Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan, apatah lagi kampus ini letaknya dalam kawasan Parlimen yang diwakili Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia, Dato' Sri Mohd. Najib Tun Haji Abdul Razak.

Kewujudan Kampus UMP Pekan ini juga membuka peluang pekerjaan kepada penduduk tempatan di Daerah Pekan dan merangsang pertumbuhan ekonomi setempat, sebagai contohnya penduduk yang dahulu pendapatannya dari hasil laut kini membuka perniagaan makanan, sewa rumah, perkhidmatan kedai runcit, fotokopi dan lain-lain.

Ini termasuklah penempatan asrama bagi 200 orang pelajar di Bazar Muhibbah di Pekan yang dapat membangunkan ekonomi peniaga sekitarnya.

Inisiatif yang paling berkesan ialah gerak mesra masyarakat dan projek khidmat komuniti yang mula dirintis sejak tahun 2005 lagi dengan aktiviti khidmat komuniti dan memasyarakatkan kampus.

Pembangunan ini merancakkan lagi pelbagai projek pembangunan yang akan dibawa oleh kerajaan di kawasan Kuala Pahang, termasuklah penghasilan bidang kepakaran Universiti sekaligus meningkatkan taraf hidup masyarakat, merangsang pertumbuhan ekonomi, memudahkan transformasi dan yang pastinya bakal memberi manfaat besar kepada penduduk sekitar.

Secara amnya, pembangunan UMP sebagai sebuah universiti teknikal di Pekan amat tepat dan bertepatan dalam usaha mempertingkatkan lagi pembangunan industri minyak, gas dan petrokimia di kawasan Terletak di Zon Ekonomi Khas Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECER).

Projek Teknologi Hijau Kitar Semula Minyak Hitam Terpakai

Projek yang diusahakan oleh Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi), Prof. Dato' Dr. Rosli Mohd Yunus memfokuskan kepada pembangunan proses "Kitar semula minyak dasar daripada minyak hitam terpakai menggunakan teknologi pengekstrakan". Teknologi yang dibangunkan ini mampu meningkatkan kualiti dan kuantiti produk berbanding teknologi sedia ada.

Kilang perintis telah dibangunkan hasil dari penyelidikan ini dengan kemampuan memproses sekitar 40 tan minyak hitam terpakai seharian di tapak kilang berkeluasan 4 ekar yang bertempat di Kawasan Perindustrian Gebeng, Kuantan. Ternyata pembinaan kilang ini bukan sahaja memberi pulangan yang baik kepada UMP untuk menjana pendapatan, malahan ia juga turut memberi impak yang sangat baik dalam memasarkan namanya ke arah sebuah universiti teknologi pilihan pertama di Malaysia.

Teknologi yang dibangunkan ini memberi satu penyelesaian kepada isu pencemaran alam sekitar, yang mana dahulunya minyak hitam terpakai ini diproses menjadi bahan bakar atau di buang di laut, sungai dan parit sekaligus telah mencemarkan sumber air negara. Penggunaan teknologi ini secara tidak langsung mendidik pelbagai pihak seperti nelayan-nelayan, pengusaha bengkel penyelenggaraan kenderaan, industri kapal dan kilang-kilang agar menyimpan minyak hitam terpakai ini dan tidak membuangnya ke dalam laut, sungai maupun parit kerana pengurusan minyak hitam terpakai yang betul dan sistematis mampu mendatangkan pulangan yang lumayan dan sekaligus mengurangkan pencemaran alam sekitar.

Pembangunan teknologi ini juga dapat mengurangkan kebergantungan kepada sumber petroleum mentah sekaligus menjana sumber baru minyak dasar yang diproses menjadi minyak pelincir. Sekaligus ia mampu menaikkan nama UMP sebagai peneraju industri minyak-minyak pelincir di Malaysia serta membuka peluang pekerjaan kepada masyarakat setempat jika diusahakan dengan lebih meluas.



Atur Cara

10:00 pagi	:	Ketibaan Staf, Pelajar dan Masyarakat Pekan
10:15 pagi	:	Ketibaan Pegawai Kanan Universiti
10:20 pagi	:	Ketibaan Yang Hormat Naib Canselor Universiti Malaysia Pahang
10:25 pagi	:	Ketibaan Ahli-ahli Lembaga Pengarah Universiti Malaysia Pahang
10:30 pagi	:	Ketibaan Yang Hormat Pengurus Lembaga Pengarah UMP
10:40 pagi	:	Ketibaan Yang Berhormat Timbalan Menteri Pengajian Tinggi
10:45 pagi	:	Ketibaan Yang Berhormat Menteri Pengajian Tinggi
10:50 pagi	:	Ketibaan Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang
11:00 pagi	:	Ketibaan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia
	:	Nyanyian Lagu Negaraku dan Maju Gemilang
	:	Bacaan Doa
	:	Ucapan Alu-aluan oleh Naib Canselor UMP
	:	Ucapan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia
	:	Majlis Pertukaran Memorandum Persefahaman
	:	Pelancaran Projek Green Tech UMP Sdn. Bhd.
	:	Lawatan Ke Pameran
	:	Jamuan makan
2:00 petang	:	Bersurai

Sekalung Budi

Universiti Malaysia Pahang (UMP) dengan segala sukacitanya merakamkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada:

**Pejabat Perdana Menteri Malaysia
Pejabat Menteri Besar Pahang
Pejabat Menteri Pengajian Tinggi Malaysia
Semua warga UMP dan warga Pekan**

dan kepada semua pihak yang terlibat secara langsung maupun tidak langsung dalam menjayakan majlis ini.